

Asnaf kena usaha ubah taraf hidup



Sebahagian tetamu yang hadir sempena Program Tautan Mahabbah L2S Daerah Kuala Langat yang diadakan pada malam tahun baru di Pejabat Zakat Daerah Kuala Langat.

BANTING - Lembaga Zakat Selangor (LZS) Cawangan Kuala Langat menyatakan semua penerima bantuan terus berkhidat dan berusaha keluar daripada masalah, lebih bersyukur serta dekat kepada ALLAH SWT supaya tidak terlalu bergantung kepada bantuan semata-mata.

Pada masa sama, Pengurus Operasi Daerah, Mohd Shukri Husain berterima kasih kepada pembayar zakat kerana memberi kepercayaan kepada LZS dan berharap mereka dapat meneruskan komitmen.

"Untuk perancangan

2017, kami (LZS) akan terus berusaha membangunkan asnaf terutama memberi fokus kepada penerima yang produktif.

"Kita juga bakal memberi fokus kepada asnaf yang lebih lima tahun menjadi penerima zakat untuk melanjutkan kembalikan kedudukan ekonomi dan keperluan asasi mereka. Kita mahu mereka membangunkan ekonomi untuk lebih berdaya saing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Sinar Harian sempena Program Tautan Mahabbah L2S Daerah Kuala Langat dan berharap mereka dapat meraikan mereka yang

terlibat dalam usaha dakwah serta menyantuni asnaf sepanjang 2016.

Mohd Shukri memaklumkan, untuk 2017, pihaknya akan lebih proaktif dalam pembangunan asnaf dengan mengadakan kolaborasi bersama pelbagai agensi di sekitar daerah ini.

Pada program berkenaan LZS turut merakamkan pemimpin masyarakat termasuk Orang Besar Daerah, wakil rakyat, ketua kampung, nazar masjid dan penghulu yang bertengkus lumus membantu perjalanan agihan zakat.

Kayu ukur pemilihan atlet perahu layar

BATU LAUT - Musim tengkujuh bukan pematah semangat, sebaliknya menjadi pembakar semangat kepada barisan peserta Kejohanan Perahu Layar KFC-MSA-MDKL-MILO/NSC Championship 2016.

Timbalan Presiden Sukan Layar Selangor Yatin Yaman berkata, kejohanan ini merupakan kejohanan tahunan dan kejohanan penutup sirkuit perahu layar kebangsaan bagi tahun 2016 sekali gus bertujuan menentukan kedudukan atau ranking atlet sukan perahu layar seluruh Malaysia.

"Ia merupakan kayu ukur dan batu asas pemilihan atlet sukan perahu layar yang akan mewadil negara di kejohanan besar pada peringkat antarabangsa seperti sukan Asia dan sukan Olimpik."

"Kejohanan telah berjaya mendarat sejauh 230 atlet dan terdapat juga penyertaan dari negara jiran seperti Thailand dan Indonesia yang menjadikan jumlah keseluruhan atlet terbabit secara langsung

dalam kejohanan mencapai 400 atlet. Ini merupakan kejohanan tertutup tahunan dengan penyertaan paling ramai," katanya.

Yatin yakin jumlah penyertaan yang ramai mampu mencapai matlamat melahirkan atlet sukan perahu layar unggul dan tinggi semangat juang pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Hadir sama menyaksikan kejohanan adalah Adun Morib, Hasnul Baharuddin dan Setiausaha Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Yasin Alwi.

Sebanyak 18 acara dipertandingkan pada Kejohanan Perahu Layar KFC-MSA-MDKL-MILO/NSC Championship, iaitu optimist overall, optimist division A, division B, division C, optimist girls, laser standard, laser radial men, laser radial women, laser 4.7 men, laser 4.7 women, international 420 men, international 420 women, windsurfing open, RS:One, Bic Techno Men, Bic Techno Women, Byte dan team race event.



Sebahagian daripada 400 atlet yang menyertai kejohanan perahu layar baru-baru ini.

Perlu jadi pakar rujuk rakyat

JKKP, JPP mesti bergerak aktif tanpa tiada sempadan ideologi politik



Pengerusi JKKP Kampung Sawah, Sabahan Sarbini (tiga kiri) menerima sijil daripada Sulaiman (empat kanan) sempena Penyampaian Sijil Jawatankuasa JKKP dan JPP Parlimen Kuala Langat di Dewan SMK Telok Panglima Garang.

BANTING - Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) serta Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) digesa bergerak aktif sehingga rakyat tidak pilih lain selain berterutu kedua-dua jawatankuasa berkenaan apabila memerlukan pertolongan.

Pengerusi Majlis Pembangunan Luar Bandar, Datuk Sulaiman Mohd Karli ketika memberi saranan kepada 36 pengerusi kedua-dua jawatankuasa berkata, tiada lagi istilah rakyat tidak mengenal pemimpin kampung atau komuniti selepas ini kerana pengerusi kedua-dua jawatankuasa perlu bergerak aktif.

"Kita mahu rakyat terus mendekati JKKP dan JPP sekali gus memimpin ini perlu terus memain-

kan peranan melayan karelah rakyat dengan baik jika pertolongan dimohon benar-benar diperlukan serta layak.

"Kita tidak mahu pemimpin pengaruh rakyat dengan perkara tidak berfaedah. Jadi pendekatan wakil JKKP dan JPP dalam minda rakyat harus berinformatif dan mempunyai elemen maklumat tentang daripada kerajaan," katanya.

Sulaiman menjelaskan, beliau

beliau berkata demikian kepada Sinar Harian ketika ditemui selepas Penyampaian Sijil Jawatankuasa JKKP dan JPP Parlimen Kuala Langat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Telok Panglima Garang, di sini.

Sulaiman menjelaskan, beliau mengambil pendekatan JKKP dan JPP perlu berada di mana-mana di samping menjadi pakar rujuk rakyat

sekaligus mahir serta mampu menyampaikan maklumat juga dasar-dasar kerajaan.

Beliau yakin khidmat bakti barisan kepimpinan JKKP dan JPP boleh mewarisi ideologi politik kaum dan agama sesuai dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahukan pemimpin kelas pertama.

"Kalau boleh kita tidak mahu de-

ngar lagi pemimpin kampung yang tidak aktif malah tidak kenal anak buah mereka. Paling tidak, bila dapat tahu apa juga masalah atau kes, pemimpin tuah ke mana mahu membawanya dan sebaiknya sehingga dapat diselesaikan. Itu baru merupakan berjaya rakyat," katanya.

Selaku Yang Dipertua JPP Parlimen Kuala Langat, Sulaiman menegaskan, sebagai kepimpinan di sebuah kampung ada, selagi itu lah pemimpin berkenaan perlu bekerja dengan aktif agar segala permasalahan rakyat dapat ditangani.

Iaambahnya, barisan kepimpinan di sebuah kampung perlu dilihat sebagai insan yang tidak kenal erat peran dalam bekerja untuk rakyat.

"Dalam program ini sahaja kiranya RM14,000 diperuntukkan kepada Pengerusi JKKP di Parlimen Kuala Langat yang hadir, manakala Pengerusi JPP bakal menerima peruntukan kemudian.

"Saya harap apa sahaja tanggungjawab Pengerusi JKKP dapat dilaksanakan dengan ikhlas dan sempurna," katanya.